

Proton ganda jualan Gen.2

BH - 22/3/2005: B1

PROTON Holdings Bhd (Proton) yakin menggandakan jualan model Gen.2 kepada 60,000 unit menjelang akhir tahun ini berbanding 30,000 unit sejak dilancarkan tahun lalu.

Ketua Eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, berkata sasaran bagi model kereta kedua yang dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman, tidak termasuk jumlah dieksport.

Katanya, Proton juga akan memperkenalkan tiga model baru menjelang akhir tahun ini dalam usaha menguasai kepentingan lebih besar pasaran automotif tempatan.

"Kita turut bekerjasama dengan syarikat Jerman bagi mendapatkan pensijilan antarabangsa untuk kereta kami," katanya selepas majlis pelancaran setem pos khas Proton Gen.2 oleh Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad di Auditorium Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam.

Setem berharga 30 sen, 50 sen dan RM1 yang mula dijual 7 Mac lalu sudah mencecah hasil jualan kira-kira RM100,000. Pos Malaysia mencetak satu juta setem khas 30 sen itu, 150,000 (50 sen) dan



DR MAHATHIR melancarkan setem pos khas Proton Gen.2 sambil diperhatikan (dari kiri) Tengku Mahaleel, Adam, Azlan dan Dr Lim di Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar

130,000 keping setem RM1.

Hadir sama pada majlis itu Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Pengerusi Proton, Datuk Mohammed Azlan Hashim; Pengerusi Pos Malaysia, Tan Sri Adam Kadir dan Pengerah Urusan/Ketua Ekseku-

tif Pos Malaysia, Datuk Ikmal Hijaz Hashim.

Sementara itu, Tengku Mahaleel berkata, Proton akan melabur RM900 juta untuk membina platform kejuruteraan sendiri bagi membolehkannya mempunyai keupayaan reka bentuk canggih.

Katanya, platform kejuruteraan itu juga membolehkan Proton menjimatkan kos royalti dan merangsangkan keupayaan pengeluaran.

Beliau berkata, pelaburan bagi platform kejuruteraan itu akan dibiayai menerusi dana dalam-